



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN AZAHA BIN HAJI OTHMAN  
JURULATIH TEATER DAN SENI BERBAHASA**

**OLEH:**

<b>SITI NUR ZULAIKHA BINTI HASBULLAH</b>	<b>2021822812</b>
<b>NURUL HAZIQAH BINTI BAKRI</b>	<b>2021609224</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OCT2023 - FEB2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
TUAN AZAHA BIN HAJI OTHMAN  
JURULATIH TEATER DAN SENI BERBAHASA**

**OLEH:**

**SITI NUR ZULAIKHA BINTI HASBULLAH      2021822812  
NURUL HAZIQAH BINTI BAKRI              2021609224**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OCT2023 - FEB2024)**

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa syukur kepada Allah Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapat kami dengan jayanya menyiapkan kajian sejarah lisan walaupun mengharungi pelbagai onak duri dan halangan. Syukur Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulnissa Binti Abdullah selaku pensyarah kami bagi subjek IMR604 iaitu “Oral Documentation”. Terima kasih diucapkan diatas bimbingan, nasihat, kesabaran dan bimbingan yang diberikan yang telah banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan transkrip ini. Segala jasa beliau telah mendorong kami untuk menjadi penyelidik dan pendidik yang berkaliber.

Seterusnya, kami ingin berterima kasih kepada Encik Azaha Haji Othman kerana telah memberi kerjasama yang sangat baik dan meluangkan masa sepanjang temu bual kami. Menerusi temu bual tersebut, beliau telah berkongsi banyak ilmu berkenaan dengan seni teater dan penulisan puisi tradisional serta pengalaman hidup beliau kepada kami bagi menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Disamping itu, kami juga ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa dan juga keluarga kerana telah mendorong kami bagi menyempurnakan kajian ini. Mereka telah memberikan kami sokongan moral yang tidak dapat dihitungkan sehingga kami berjaya menyiapkan tugas ini. Jutaan terima kasih juga kepada rakan – rakan seperjuangan yang turut serta dalam membantu serta bertukar – tukar idea dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, besarlah harapan kami agar kajian yang kami hasilkan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan sekaligus dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada diri sendiri terutamanya kepada pembaca.

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Kajian ini merupakan temubual Bersama Jurulatih Teater iaitu Azaha Haji Othman atau lebih dikenali sebagai Pak Alang untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai jurulatih teater dan penulis puisi tradisional dan moden. Temubual ini telah dijalankan di kediaman beliau bertempat di Kampung Mengabang Panjang, Kuala Nerus Terengganu. Tarikh temubual tersebut adalah pada 9 Disember 2023 bermula pada jam 10 pagi hingga 12 tengah hari. Azaha Haji Othman juga pernah berlakon, mengarah, melatih, mengurus pentas dan produksi teater tradisional dan moden peringkat negeri dan kebangsaan. Malah, turut terlibat penulisan skrip pentas, kritikan teater, pengurusan produksi, pengurusan pentas, lakonan dan pengarah teater tradisional dan moden. Namun begitu terdapat pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh beliau semasa berkecimpung di dalam yang diceburi. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

**Kata kunci:** *Azaha Haji Othman, Jurulatih Teater, Puisi Tradisional.*

## ABSTRACT

**Abstract:** *This study is a interview with Theater Trainer Azaha Haji Othman, also known as Pak Alang, to explore his services in his career as a theater trainer and writer of traditional and modern poetry. The interview was conducted at his residence in Kampung Mengabang Panjang, Kuala Terengganu, on December 9, 2023, starting at 10 a.m. and concluding at noon. Azaha Haji Othman has also been involved in acting, directing, training, stage and production management of traditional and modern theater at both state and national levels. Additionally, he has contributed to scriptwriting, theater criticism, production management, stage management, acting, and directing in traditional and modern theater. Nevertheless, he has faced various trials and challenges throughout his involvement in the field. His life and career history can serve as a source of inspiration for everyone.*

**Keyword:** *Azaha Haji Othman, Theater Trainer, Traditional Poetry.*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	i
<b>ABSTRAK</b> .....	iii
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	v
<b>BIODATA PENEMUBUAL</b> .....	vii
<b>BIODATA TOKOH</b> .....	x
<b>PENGENALAN</b> .....	xii
<b>TRANSKRIP</b> .....	1
<b>BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH</b> .....	2
<b>BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN</b> .....	6
<b>BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL</b> .....	12
<b>BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA</b> .....	17
<b>BAHAGIAN E: SUMBANGAN &amp; PENCAPAIAN</b> .....	47
<b>BAHAGIAN F: HARAPAN</b> .....	53
<b>LAMPIRAN</b> .....	57
<b>LOG WAWANCARA</b> .....	58
<b>DIARI KAJIAN</b> .....	73
<b>SENARAI SOALAN</b> .....	76
<b>SURAT PERJANJIAN</b> .....	87
<b>LAMPIRAN GAMBAR</b> .....	88
<b>SIJIL PENGHARGAAN</b> .....	93
<b>INDEKS</b> .....	94



# **BIODATA PENEMUBUAL**

# BIODATA PENEMUBUAL 1



**Nama Penuh** : Nurul Haziqah Binti Bakri  
**Nama Samaran** : Iqah  
**Tarikh Labir** :  
**Tempat lahir** : Hospital Tuanku Fauziah , Kangar, Perlis  
**Alamat** : Kangar, Perlis  
  
**No. Telefon** :  
**Email** :  
**Fakulti** : Pengurusan Maklumat

## BIODATA PENEMUBUAL 2



**Nama Penuh** : Siti Nur Zulaikha Binti Hasbullah

**Nama Samaran** : Ikaa

**Tarikh Lahir** :

**Tempat lahir** : Hospital Besar Kota Bharu

**Alamat** : Kuala Krai, Kelantan

**No. Telefon** :

**Email**

**Fakulti** : Pengurusan Maklumat

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



**Nama Pennh** : Azaha Bin Haji Othman  
**Nama Samaran** : Pak Alang  
**Tarikh Lahir** :  
**Tempat Lahir** : Kuala Nerus, Terengganu.  
**Alamat** :Kuala Nerus, Terengganu.  
:  
**No. Telefon**  
**Emel** :  
**Profesion** : Jurulatih Teater, Pengarah Teater, Penulis Skrip  
**Bidang** : Seni Budaya

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Transkrip temubual ini berkisahkan tentang seorang tokoh seni dalam bidang teater dan seni berbahasa iaitu Encik Azaha Bin Haji Othman atau lebih dikenali sebagai Pak Alang. Temubual ini telah dijalankan pada 6 Disember 2023 di rumah kediaman Pak Alang yang beralamat 309 Cempaka Biru Kampung Mengabang Panjang, Batu Rakit, Kuala Nerus, Terengganu pada jam 10 pagi hingga 12 tengah hari. Beliau cukup terkenal dalam industri teater ini. Pak Alang telah dilahirkan di Kampung Mengabang Panjang, Batu Rakit, 21020 Kuala Nerus, Terengganu pada tahun 1972. Pak Alang merupakan antara tokoh-tokoh yang termasyhur dengan bidang teater dan seni berbahasa ini.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam tiga puluh minit. Justeru itu, temubual ini dipecahkan kepada enam bahagian iaitu Latar Belakang Tokoh, Sejarah Pendidikan, Kerjaya Awal, Pengalaman Kerjaya, Pencapaian dan sumbangan dan bahagian terakhir iaitu mengenai Harapan.

Sedikit ringkasan mengenai biografi atau latar belakang Pak Alang, beliau terkenal sebagai jurulatih teater dan pengarah teater. Selain daripada bidang teater, beliau turut menceburi diri dalam bidang penulis puisi tradisional dan moden, cerpen, novel, skrip pentas, rencana sastera, kritikan teater dan filem, skrip drama TV, lirik lagu dan sekarang siding bertugas di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Terengganu.

"Teater" adalah perkataan Yunani yang bermaksud "tempat untuk merenung." Ia adalah seni yang menggunakan prestasi, ucapan, gerak isyarat, pemandangan, muzik dan bunyi untuk menyampaikan cerita kepada penonton. "Teater" adalah istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada subgenre kesusasteraan yang mengembangkan karya yang akan dimainkan di atas panggung dan bahkan disiplin yang bertujuan untuk melatih pelakon untuk melaksanakan adegan dalam genre seni dramatik ini, seperti panggung wayang atau televisyen. Teater ini mempunyai pelbagai bentuk, ia boleh menjadi opera, pantomim, balet dan banyak lagi varian lain.

Teater terdiri daripada pelbagai jenis, seperti kabuki Jepun dan teater boneka. Ini sangat berbeza daripada teater Elizabeth, dan juga terdapat teater avant-garde. Anda juga boleh mengira teater absurd atau improvisasi, yang lebih biasa pada abad ke-20. William Shakespeare, Molière, Bertolt Brecht, dan lebih baru-baru ini Andrew Lloyd Webber adalah antara penerbit dan pemain drama paling terkenal. Antara persembahan Broadway yang paling terkenal termasuk Romeo dan Juliet dan Kucing di Broadway. Sebaliknya, banyak karya sastera telah diubah secara dramatik untuk dilaksanakan



# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisahkan tentang pencarian maklumat Pak Alang untuk lebih mengenalinya. Rakaman ini untuk mengenali Pak Alang dengan lebih mendalam mengenai latar belakang, sejarah pendidikan, kerjaya awal, pengalaman kerjaya, pencapaian dan sumbangan dan akhir sekali mengenai harapan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PA: Pak Alang

NH: Nurul Haziqah

SNZ: Siti Nur Zulaikha

## BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

**NH : Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang Seni Teater dan Seni Berbahasa. Bersama kami ialah Tuan Azaha Haji Othman atau lebih dikenali sebagai Pak Alang merupakan seorang jurulatih teater dan penulis puisi tradisional. Rakaman ini dijalankan pada tarikh *sembilan* [9] Disember *dua ribu dua puluh tiga* [2023] bersamaan dengan hari sabtu pada jam *sepuluh* [10] pagi secara bersemuka. Temubual ini dikendalikan oleh saya**

Nurul Haziqah Binti Bakri dan juga rakan saya Siti Nur Zulaikha Binti Hasbullah. Dengan segala hormatnya temubual ini dijalankan.

**NH : Baik Tuan, untuk soalan yang pertama iaitu latar belakang tokoh aaa saya nak tahu dulu lah apakah nama penuh tuan, nama panggilan?**

PA : Baik erm terima kasih erm di atas pemilihan saya untuk sesi temubual ini. Err nama penuh *saye* [saya] erm Azaha Haji Othman.

**NH : Apakah nama panggilan Tuan?**

PA : Ermm nama panggilan? (ketawa). Nama panggilan *saye* [saya] di kalangan masyarakat setempat dan juga keseluruhan *maknenye* [maknanya] anak-anak murid *kite* [kita] panggil Pak Alang. Haa, Pak Alang. Jadi err saya *rase* [rasa] ini adalah satu *synchronize* [selaras] lah *maknenye* [maknanya] mereka saling mengenali lah itu yang rapat.

**NH : Jadi, mengapakah aaa tuan dipanggil sebagai Pak Alang *tu* [itu] mungkin ada kisah di sebalik *name* [nama]?**

PA : Sebenarnya erm (fikir) nama Azaha itu sendiri, mempunyai makna yang tersendiri lah. Ia bermaksud 'bunga-bunga' (ketawa), yang berseri, yang gemilang, lebih cerah. Makna Itulah *agaknye* [agaknye] turut mempengaruhi hidup dan menjadikan saya sebagai orang seni. Seorang sasterawan dan juga penggiat teater. Saya anak yang *keempat* [ke-4] dan di---Pak Alang dipanggil dalam *keluarge* [keluarga] err dan mesra dipanggil di kalangan masyarakat pun memang Pak Alang lah. Ermm

panggilan sebegini dalam masyarakat tanda bahawa masyarakat setempat ini saling mengenali dan hubungan kami ni sangat rapat.

**NH : *Okay* [baik], seterusnya boleh Tuan ceritakan secara terperinci mengenai latar belakang diri Tuan ataupun Tuan *dah* [sudah] ceritakan semuanya tadi? (ketawa)**

**PA : Hmm terima kasih. Boleh, apa salahnya...**

**NH : Jika tidak keberatan, boleh Tuan ceritakan serba sedikit mengenai keluarga Tuan?**

**PA : Erm dalam keluarga saya *ni* [ini] ibu *saye* [saya] aaa (fikir) nama Hajah Meriam, haa... atau Mek Bunge [Bunga] haa itu nama ibu. Nama *bape* [bapa] *saye* [saya] Haji Otman bin Ismail err sini panggil Pak Awang Bilangan adik beradik *kami* [saya] seramai *tiga belas* [13] orang. *Saye* [saya] merupakan anak yang *keempat* [ke-4]. Erm sudah mendirikan rumah *tangge* [tangga] aaa (fikir) sudah lebih kurang dalam tujuh *belas* [17] tahun. Nama isteri isteri *saye* [saya] err Sanisah binti Haji Harun. Umur isteri *empat puluh sembilan* [49] tahun. Pekerjaan *istri* [isteri] seorang suri rumah *tangge* [tangga]. Tarikh perkahwinan kami *tiga puluh* [30] Disember *dua ribu enam* [2006]. Bilangan anak-anak aaa kami serama *dua* [2] orang *sahaje* [sahaja]. Anak kami yang sulung bernama Adam Muhammad bin Azaha. Anak yang (fikir) *bongsunye* [bongsu] sebab dua orang *saje* [sahaja] Aisyah Sofea binti Azaha. Aaa dengan *umo* [umur] anak yang sulung *lima belas* [15] tahun dan anak yang bongsu *sembilan* [9] tahun.**

**NH : Jadi, dimanakah anak-anak Tuan sedang belajar sekarang?**

**PA :** Untuk makluman, anak sulung saya Adam Muhammad sedang mengikuti pelajaran di Maktab Rendah Sains Mara *Kuale* [Kuala] Terengganu dalam tingkatan *tiga* [3] manakala yang bongsu saye [saya] Aisyah Sofea binti Azaha *ni* [ini] *umo* [umur] *sembilan* [9] tahun belajar di darjah *tiga* [3] di Sekolah Kebangsaan *Pagor* [Pagar] Besi, Batu Rakit bersebelahan lah berdekatan (dengan rumah).

**NH : Okay [baik], seterusnya nak tanyalah apa hobi Tuan bagi mengisi masa lapang?**

**PA :** *Okay* [baik] ini, jarang-jaranglah *kadangkale* [kadangkala] orang melihat tapi saya tetap masih dengan kehidupan *saye* [saya] dari *kecik* [kecil] memang macam tu [itu]. Saya membaca dan menulis. *Ade* [ada] lah dengan *kerje* [kerja] *kite* [kita] dia punya itu (fikir). Itulah sahaja.

**TAMAT BAHAGIAN A**

## BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

**NH : Bolehkah Tuan ceritakan serba sedikit mengenai sejarah pendidikan bermula dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah dan adakah Tuan melanjutkan pengajian ke peringkat universiti selepas itu?**

**PA :** Terima kasih, erm saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan *Pagor* [Pagar] Besi err di tempat yang sama anak saya *belajor* [belajar] daripada tahun *sembilan belas tujuh puluh sembilan* [1979] sampai *sembilan belas lapan puluh empat* [1984] *selame* [selama] *enam* [6] tahun. Kemudian *saye* [saya] teruskan di Sekolah *Menengoh* [Menengah] Kcbangsaan Tcngku Mizan Zainal Abidin, *Kuale* [Kuala] Nerus daripada tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] sehingga *sembilan belas lapan puluh sembilan* [1989]. Kemudian *saye* [saya] oleh *kerane* [kerana] sedikit masalah kewangan *saye* [saya] memilih untuk memasuki Institut Latihan Perindustrian dalam bidang *juruletrik* [juruelektrik] pada tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] *sehingge* [sehingga] *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991]. Kemudian saya *bereti* [berhenti] sekejap selama lebih kurang dalam *tiga* [3] tahun macam *tu* [itu] saya pergi kerja kilang. Kerja kilang dalam pada *tu* [itu] *mase* [scmasa] saya *dah* [sudah] berpuas hati lah dengan suasana *tu* [itu] saya kumpul duit saya isi untuk memasuki tetap ingin memasuki ke *universti* [universiti]. Jadi akhirnya saya memasuki Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] sehingga *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996]. Itupun *saye* [saya] *ambik* [ambil] bidang sijil seni kreatif kerana *saye* [saya] cuba nak melihat *bahwe* [bahawa] *saye* [saya] mampu atau tidak meneruskan pelajaran dalam

bidang sastera *kerane* [kerana] di *Sijil Pelajaran Malaysia* [SPM] saya aliran sains. Kebetulan saya pun memang di antara pelajar yang sedikit cemerlang dan *saye* [saya] terpaksa masuk untuk kelas sains. Saya tidak masuk kelas sastera. Jadi untuk meneruskan pengajian saya dalam bidang sastera saya takut saya tidak mampu oleh *kerane* [kerana] saya tidak belajar subjek sastera. Jadi di *USM* [Universiti Sains Malaysia] saya mengambil sijil seni kreatif. Oh tapi *err* (fikir) alhamdulillah saya dapat cemerlang di dalam sijil seni kreatif *err* sastera di *USM* [Universiti Sains Malaysia] itu. Kemudian *saye* [saya] mengambil *erm* pendekatan oleh *kerane* [kerana] pad waktu itu saya dapat meneruskan pengajian untuk menyambung *ijazoh* [ijazah] di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang *tu* [itu]. Tetapi kebetulan pada waktu itu *Akademik* [Akademi] Seni Kebangsaan *tengah* [sedang] meningkat naik sedang popular dan saya menjadi *pelajor* [pelajar] antara kalangan dan *batch* [kumpulan] yang *ketiga* [ke-3] lah dari Akademi Seni Kebangsaan atau sekarang dikenali dengan *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan]. Jadi *maknenye* [maknanya] saya *pelajor* [pelajar] dalam bidang saya. Saya memasuki bidang diploma penulisan kreatif tetapi selepas menamatkan pengajian beberapa tahun *die* [dia] telah *upgrade* [naik taraf] daripada diploma kepada ijazah [ijazah]. Jadi oleh kerana kita *belajor* [belajar] selama *empat* [4] tahun di sana, pada tahun *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] sehingga ke *dua ribu* [2000] *tu* [itu] oleh kerana gred *purata* [pukul rata] dia tinggi di mana melayakkan *kita* [saya] untuk ke maknanya ijazah. Jadi *kita* [saya] mendapat ijazah sarjana *mude* [muda] penulisan dengan kepujian.

**NH : Okay [baik], untuk soalan kedua pula adakah Tuan meminati jurusan yang diambil sewaktu di peringkat universiti dahulu ?**

**PA :** Oh semestinya lah. Sebab saya asalnya *bercite-cite* [bercita-cita] ingin masuk ke universiti dan mempelajari jurusan penulisan kreatif *sejok* [sejak] *berusie* [berusia] *sepuluh* [10] tahun. Jadi darjah *empat* [4] tu saya memang *bercite-cite* [bercita-cita] memang nak masuk universiti memang ingin *ambik* [ambil] bidang sastera. Sebab saya *start* [mula] menulis daripada darjah *empat* [4]. Saya *rase* [rasa] *maknenye* [maknanya] sesuai lah *maknenye* [maknanya] jiwa raga saya sebelum masuk universiti *tu* [itu] memang jiwa raga *ni* [ini] minat penulisan.

**NH : Jadi semasa Tuan belajar dahulu, Tuan ada menyertai apa-apa persatuan?**

**PA :** Erm asalnya kalau ikut *tu* [diikutkan] saya oleh kerana saya berminat dalam bidang penulisan itu daripada *sejak* [semenjak] awal lagi *tapi* [tetapi] dari pemerhatian saya lah terhadap ke mana saya melihat *atuk* [datuk] saya *tokwan* [ncnck] saya dan *bonda* [ibu] saya maka membuatkan saya minat. Jadi oleh kerana itu, *semase* [semasa] saya di sekolah aaa di *ILP* [Institut Latihan Perindustrian] dan universiti, saya telah dilantik menjadi wartawan dan *editor* [penyunting] untuk program yang diterbitkan. Jadi, untuk itu *maknenye* [maknanya] niat saya oleh kerana untuk menambah ilmu pengetahuan saya, saya telah dibawa untuk menyertai Persatuan Saterawan Terengganu. Maknanya berita persatuan penulis dan *masatu* [masa itu] saya *belajor* [belajar] di *ILP* [Institut Latihan Perindustrian] err sembilan belas sembilan puluh satu [1991] tu [itu] saya masuk *ILP* [Institut Latihan Perindustrian] saya *jugak* [juga] *masa*



[semasa] di universiti saya masuk kelab sastera di *USM* [Universiti Sains Malaysia]. Selain itu di peringkat awal penubuhan Angkatan *dua puluh satu* [21] *masa* [semasa] saya duduk di Akademi Seni Kebangsaan atau sekarang lebih dikenali sebagai *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] *tu* [itu] saya antara kru-kru yang maknanya mengangkat Angkatan *dua puluh satu* [21] *tu* [itu]. Maknanya ia jadi saya rasa maknanya saterawan-sasterawan Terengganu, kelab sastera dan juga angkatan *dua puluh satu* [21] itu maknanya membesarkan jiwa raga *kita* [saya] lah ke arah bidang yang *kita* [saya] sendiri sertai.

**NH : Adakah persatuan ini berkait dengan bidang pengajian Tuan?**

**PA :** Ya. Ia berkaitan dengan bidang penulisan. Selain itu, persatuan ini turut mewarnai pelbagai pementasan seni berbahasa dan seni teater dalam mengisi kegiatan persatuan.

**NH : Pernahkah Tuan menyertai apa-apa pertandingan yang berkait dengan seni di sekolah dahulu?**

**PA :** Erm kalau *ikut* [diikutkan] ada beberapa pertandingan yang *kita* [saya] masuk menandakan *kita* [saya] minat dalam bidang kreatif ini. Antaranya contohnya daripada saya sekolah daripada saya darjah *empat* [4] saya telah memenangi pertandingan naib johan peraduan mengarang surat *ASEAN* [Association of Southeast Asian Nations] *keempat* [ke-4] bagi belia-belie *sembilan belas lapan puluh lapan* [1988] peringkat *sekoloh* [sekolah] di *ASEAN* [Association of Southeast Asian Nations]. Jadi maknanya *kita* [saya] ada banyaklah pertandingan *tapi* [tetapi] mengikut peringkatlah. *Tapi* [tetapi] itu yang awal. Jadi yang seterusnya memang ada lah banyak lagi lah.

**NH** : *Okay* [baik] sepanjang Tuan menyambung pengajian di universiti, bolehkah Tuan ceritakan sedikit pengalaman yang tidak dapat dilupakan di sana?

**PA** : Saya seorang yang aktif dalam kelab-kelab yang saya sertai dan saya juga *banyak* [banyak] menyertai pelbagai pertandingan. Kalau *dilihtkan* [dilihat] di mana saya pernah memenangi *hadiah* [hadiah] pertama pertandingan cerpen dengan tajuknya Fajar Yang Menyinsing anjuran kelab sastera *USM* [Universiti Sains Malaysia] pada *sembilan* [9] Mac *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] di mana itu di peringkat universiti. Banyak lagilah yang lain-lain banyak lagi pertandingan di mana pelbagai peringkat. Kemudian ini, *saye* [saya] menyertai pertandingan saya menang penulisan skrip drama *lima puluh* [50] tahun Gapena maknanya *saye* [saya] mendapat tempat *kedua* [ke-2] naib johan lah dalam pertandingan ini. Maknanya ini adalah satu saya fikir satu pencapaian yang agak baiklah bagi saya dalam zaman sekarang ini. Dengan sibuk fikir *Covid* [Covid-19], dalam masa itu *kita* [saya] masih mampu untuk menghasilkan karya yang baik.

**NH** : **Terakhir bagi soalan ini, adakah Tuan pernah mengikuti kursus-kursus professional yang lain?**

**PA** : Oh sebenarnya *ade* [ada] Ya, saya juga telah memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia dalam seni lakon tahap *tiga* [3]. Itu maknanya pendidikan *kita* [saya] yang terakhir lah dari Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia sebab sekarang *ni* [ini] orang lebih mementingkan *TVET* [Technical and Vocational Education and Training] maknanya berasaskan kemahiran. Jadi walaupun dalam *kita*

[saya] sibuk bekerja, *kita* [saya] *jugak* [juga] mengambil pendekatan oleh kerana kita tidak tahu apa akan datang jadi *kita* [saya] fikir persediaan awal kita sebab masa akan datang mungkin menggunakan sijil-sijil kemahiran tadi lah untuk penilaian kita untuk nak slip gaji kita pada masa akan datang lah selain dari bekerja di jabatan sekarang. Sebenarnya ada kursus lain lagi dan pelbagai bengkel-bengkel lain lagi *antaranya* [antaranya] macam contoh *saye* [saya] rekod sini bengkel pengarah dan lakonan teater peringkat kebangsaan, kita ada bengkel penulisan kreatif anjuran *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] di Hotel Seri Malaysia pada tahun *dua ribu sembilan* [2009]. Kita ada Kursus Asas Pemasaran Seni daripada *IPPTAR* [Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak] pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010]. Kita menyertai *jugok* [juga] bengkel lakonan teknik Stanislavski oleh Ronald Rank dari Pusat Kebudayaan Universiti Malaya dan banyaklah kita ikut peningkatan kita maknanya kita mlihat landasan yang kita sertai itu. Kita cuba menyertai pelbagai bengkel itu untuk memantapkan kita *punye* [punya] pengkaryaan kita dalam gagasan tersebut insyaAllah.

**TAMAT BAHAGIAN B**

## BAHAGIAN C: KERJAYA AWAL

**NH : Bolehkah Tuan terangkan kerjaya pertama Tuan setelah tamat pengajian?**

PA : Sebenarnya saya menjadi penulis sambilan untuk *beberape* [beberapa] akhbar utama dalam negara ketika itu. *Antaranye* [antaranya] Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro, News Strait Time, Bacaria, Akhbar Watan dan Sinar Harian. *Sebenarnya* [sebenarnya] hampir *semue* [semua] media lah selain *daripade* [daripada] surat khabar *bahase* [bahasa] lain lah. *Maknenye* [maknanya] bagaimanapun saya tidak *berlame* [berlama] *kerane* [kerana] sekitar setahun lebih *macamtu* [macam itu] saya masuk ke *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] Terengganu *bermule* [bemula] *pade* [daripada] *dua* [2] Januari *dua ribu dua* [2002]. *Sebattu* [sebab itu] saya cuba tinggalkan bidang penulisan *sementare* [sementara] err saya menekuni kerja saya di Jabatan Kebudayaan sebagai---yang jurulatih teater dan seni berbahasa.

**NH : Okay [baik] seterusnya bagaimanakah Tuan boleh menceburkan diri dalam bidang teater dan seni berbahasa ini pula?**

PA : Saya meminati seni teater ini maknanya *senjak* [semenjak] di bangku sekolah lagi. Apabila *kita* [saya] dapat melanjutkan pelajaran di *USM* [Universiti Sains Malaysia] dan Akademi Seni Kebangsaan telah *membuke* [membuka] ruang untuk saya berkenalan dengan ramai tokoh-tokoh hebat. Sastera---tokoh teater di *Mesia* [Malaysia]. Haa *ade* [ada] di kalangan *mereke* [mereka] telah memberi ruang kepada pelajar-pelajar universiti dan *ASK* [Akademi Seni Kebangsaan] untuk menyertai

produksi mereka ini. *Antarenye* [antaranya] pengalaman bersama Sasterawan Negara Shahnon Ahmad, Dr. Fatimah Busu di *USM* [Universiti Sains Malaysia] dan seniman negara. Bersama seniman negara di *ASK* [Akademi Seni Kebangsaan] Hamzah Awang Amat wayang kulit, Khatijah Awang dalam mak yong Rahman B, bangsawan. *Semue* [semua] seniman negara menjadi guru kepada *kita* [saya] di Akademi Seni Kebangsaan. Maknanya dan *mereke* [mereka] telah memamatkan dunia sastera lakonan dan pengarahan saya.

**NH : Menurut kajian saya, Tuan sedang berkhidmat di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu. Aaa di sana apakah tugas yang digalas oleh Tuan?**

PA : *Aaa* (fikir) sebagaimana saya kata tadi *saye* [saya] mula berkhidmat di *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] Terengganu pada *dua* [2] Januari *dua ribu dua* [2002]. Jawatan saya *tike* [ketika] itu ialah artis budaya kejurulatihan teater secara *contract* [kontrak]. Jadi saya dahulu tugas *saye* [saya] adalah secara *contract* [kontrak]. Tugas utama saya adalah jurulatih dalam bidang kesenian sama ada di kompleks ataupun di sekolah-sekolah atau universiti-universiti. *Biasanye* [biasanya] *kita* [saya] dijemput oleh mana jabatan, agensi sekolah-sekolah untuk pergi *mengajor* [mengajar] di sekolah-sekolah. Jadi *biasanye* [biasanya] saya dengan kebenaran pengarah biasanya saya akan pergi lah *mengajor* [mengajar] di sekolah-sekolah dan berdasarkan tugas *kita* [saya] sebagai jurulatih. Jadi biasanya kita-jabatan juga biasanya *membuke* [membuka] ruang, kelas kepada *kita* [saya] untuk *kita* [saya] *mengajor* [mengajar] di kompleks dulu dikenali dengan taman budaya.

Jadi *kita* [saya] *mengajor* [mengajar] di situ err hampir setiap minggu memang kita membuat kelas di kompleks itu dan *maknenye* [maknanya] mengikut modul yang disediakan. Haa ada modul yang disediakan nanti erm boleh tengoklah contoh seni budaya yang kita *mengajor* [mengajar] untuk anak-anak kita.

**NH : Jadi kalau tidak silap, berapa lama Tuan berkhidmat di jabatan itu?**

PA : Hm untuk makluman saya telah berkhidmat di *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] Terengganu *kurang lebih* [lebih kurang] *dua puluh satu* [21] tahun. Dengan secara *contract* [kontrak] artis budaya kejurulatihan secara *contract* [kontrak] lebih kurang dalam *lapan* [8] tahun kemudian kami jabatan kebudayaan seluruh Malaysia pada waktu *tu* [itu] diserap secara tetap dan pada erm bermula pada tahun dua ribu *sepuluh* [2010] jadi artis budaya B *sembilan belas* [19] tetap dengan *starting* [permulaan] jurulatih teater. Sebelum itu masuk seni berbahasa selama *tiga belas* [13] tahun. Keseluruhannya dua ini dalam *dua puluh satu* [21] tahun lah.

**NH : Apakah kejayaan yang tidak boleh dilupakan oleh Tuan semasa berada dalam bidang ini ?**

PA : Erm saya telah memperolehi pelbagai penghargaan lah. Antara yang *saye* [saya] sempat rekod yang saya ingat di sini antaranya saya memperolehi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang *dua ribu empat* [2004] daripada pelbagai nama-nama kementerian lah kementerian itu bertukar-tukar nama nanti boleh lihatlah dalam rekod itu *balik* [scmula]. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang *dua ribu sebelas*

[2011]. Kemudian saya dapat sijil penghargaan *kategri* [kategori] penghasilan penulisan produktif. Walaupun saya jurulatih saya masih tetap *maknenye* [maknanya] penulisan saya tak tinggal sebab *kita* [saya] biasa menulis untuk *cetra* [ceritera] buletin dan juga jabatan budaya. Selain itu saya dapat sijil penghargaan *kategri* [kategori] penulisan skrip teater Nong Sakti. Ini teater tradisional yang saya buat penyelidikan *sehingge* [sehingga] dia diterbitkan. Dia umpama *macam* [seperti] Kelantan *tu* [iaitu] Mak Yong, wayang kulit. Jadi di Terengganu ia ada satu ceritera *namadia* [namanya] Nong Sakti. Seterusnya kita dapat sijil prestasi cemerlang pada tahun *dua ribu lapan belas* [2018]. Kemudian saya dapat sijil prestasi cemerlang *dua ribu sembilan belas* [2019]. Kemudian saya dapat yang terakhir baru-baru ni [ini] saya dapat sijil pekerja contoh *dua ribu dua puluh dua* [2022] jadi maknanya itu adalah satu-bagi saya satu peningkatan bahawa saya masih boleh membuat kerja dengan teratur dan berkesan lah.

**NH : Baik seterusnya kita masuk pula kepada kenangan manis semasa Tuan menjadi jurulatih teater ini pula?**

**PA :** Alhamdulillah saya berjaya menunaikan hasrat seniman negara Puan Khatijah Awang, tokoh Mak Yong. Maknanya untuk melihat makyong *kanok-kanok* [kanak-kanak] pertama dipentaskan di Malaysia. Jadi saya dengan sokongan kawan-kawan di akademi seni kebangsaan berjaya mengarahkan Mak Yong kanak-kanak pertama di Malaysia dengan judulnya Raja Pencil naskah asal daripada cerita Dewa Pencil yang dipentaskan pada tahun---pada *lapan* [8], *sepuluh* [10] dan *sebelas* [11] haribulan Oktober *tahun dua ribu* [2000] di *DBKL* [Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur]. Pengalaman manis *juge* [juga] apabila ramai anak-anak murid *kita* [saya] *ni* [ini] telah berjaya dalam bidang masing-masing. Antaranya Asmidar Ahmad *err juare* [juara] bintang asli remaja kebangsaan, vokal bukan sekadar rupa. *Ade* [ada] *juge* [juga] Eric Floor *eighty eight* [88]. Haa, itu di kalangan anak murid *kita* [saya] yang berjaya lah di peringkat semasa saya mengajar *Kuale Lumpo* [Kuala Lumpur]. Dan *kalu* [kalau] kita tengok maknanya ramai lagi lah anak-anak murid *kita* yang--  
-di Terengganu misalnya ada yang *jadi* [menjadi] pelakon *ade* [ada] yang jadi ahli sukan. Di Terengganu tidak ada *production house* [rumah produksi] ramai di kalangan mereka jadi orang yang berjaya dalam bidang yang *kadangkale* [kadangkala] kita tak *sangke* [sangka] pun sebenarnya. Ahli sukan seperti pelumba basikal, juara formula *future* [masa hadapan].

**NH : Jadi bagaimana pula dengan pengalaman pahit? Boleh Tuan ceritakan sedikit sebanyak?**

**PA :** Itulah kadangkala kita jarang kita *nok* [nak] bercakap. Sebagai orang seni ini lama-lama kita kena maklum *bahwe* [bahawa] kadangkala titik peluh kita tidak dihargai dan tidak *dibayor* [dibayar] walaupun kita telah mengerjakan *prodaksi* [produksi] dengan baik malah sesetengah persembahan itu telah mendapat sambutan ramai. Tidak *dibayor* [dibayar] itu memang satu kenangan yang pahit lah.

**TAMAT BAHAGIAN C**



## BAHAGIAN D: PENGALAMAN KERJAYA

SNZ : *Okay* [baiklah] kita masuk pula ke bahagian seterusnya iaitu bahagian pengalaman kerjaya. Pengalaman kerjaya pertama iaitu dalam bidang teater, boleh Tuan jelaskan aaa apa itu teater yang sebenar?

PA : Baik, terima kasih aaa teater *ni* [ini] berasal dari Bahasa Yunani purba aaa iaitu *theatron* membawa maksud tempat duduk penonton atau stage. Drama pula berasal dari perkataan *dran* yang bermaksud ‘Gerak’, aksi atau lakonan. Dalam maksud lain drama ialah mengandungi tarian, nyanyian dan lakonan yang membawakan cerita nyata atau kita nak *nawaitu* [niat] kita adalah simbolik sahaja. Teater atau drama ialah satu persembahan yang mana melibatkan pelakon, penonton, tempat yang ditentukan dan pada masa yang telah ditetapkan. Haa itu yang dimaksudkan dengan teater. *Kalu* [kalau] *takdok* [tiada] makna nya *saje-saje* [sengaja] nak buat *show* [pertunjukan] atas jalan raya tu maknanya tidak dia mesti ada maknanya mesti ada pelakon, pengarah, mesti masa terletak persembahan akan diadakan pada pukul *sembilan* [9] sehingga *sepuluh setengah* [10:30] malam. Tempat ialah dia kampung Mengabang Panjang. Jadi itu maknanya mesti teater. *Kalu* [kalau] *takdok* [tiada] *saje-saje* [sengaja] nak *joget* [menari] tepi pantai itu bukan istilah teater.

SNZ : **Okay soalan seterusnya, apakah sejarah teater?**

PA : Haa panjang cerita *ni* [ini] jadi saya ringkaskan saya telah senaraikan sikitlah untuk memudahkan kita memahami. Sejarah teater *ni* [ini] Mesir, Yunani dan India haaa tempat terawal bermulanya Sejarah teater di dunia. Teater di Malaysia melalui fasa-

fasa kadang-kadang mengikut perkembangan teater di dunia tadi. Apapun saya telah senaraikan teater di Malaysia *ni* [ini] melalui zaman tersendiri melalui beberapa fasa. Teater tradisional, yang pertama teater tradisional dia *dikesani* [dikesan] maknanya direkodkan pada sejak *ketujuh belas* [17] masihi. Drama lebih berkonsepkan perubatan, ritual pemujaan berasaskan kepercayaan animisme hasil pengaruh Hinduisme. Di antara macam contoh makyong, wayang kulit, main puteri dan teater tradisional Terengganu dulu macam Nur Sakti asas dia berkonsepkan perubatan, itu yang berlaku. Yang kedua, teater bangsawan, fasa yang kedua teater bangsawan. Makna dari segi teater, itu adalah generasi yang pertamalah di Malaysia *ni* [ini]. Aaa dengan kewujudannya *dikesani* [dikesan] sejak tahun *lapan belas tujuh puluhan* [1870] mula bertapak di Pulau Pinang. Aaa dipercayai asalnya dibawa oleh Kumpulan Teater Wayang Parsi (Bombay) aaa India la kan untuk menghiburkan pekerja-pekerja dalam Syarikat Hindia Timur pada waktu itu. Kemudian masyarakat tempatan kita *ni* [ini] tiru, tiru-tiru dan mengangkat Kumpulan Indera Bangsawan sebagai kumpulan pertama ditubuhkan di Pulau Pinang. Maknanya kumpulan bangsawan mula-mula la tu. Bangsawan kemukakan kisah golongan istana sama ada cerita tu realiti ataupun fantasi. Maknanya nak *royak* [bagitahu] reka-reka, angangan cerita bangsawanlah. Aaa kalau kita tengok ia berkonsepkan muzikal (batuk) ada *extra-turn* (selingan) dan juga kesan tasmat. Kesan tasmat bunyi *boom* [bunyi letupan] meletup. Kesan-kesan maknanya yang amat dramatik, tiba-tiba hujan turun, maknanya macam hujan betul, maknanya bangsawan penuh dengan elemen tasmat. Kesan khas, kalu [kalau] filem kesan khas la kan jadi tu dia. Di antara cerita-cerita bangsawan, ni saya sebut atas dasar negeri Terengganu *sajelah* [sahaja] banyak

[banyak] cerita-cerita India, cerita [batuk] Cina cerita Parsi maknanya yang dibawa tapi saya sebut contoh-contohnya antaranya *kalu* [kalau] cerita Terengganu Megat Terawih, Megat Bulang Kuala, *dua belas* [12] Dayung Patani, Megat Panji Alam ataupun maknanya Naga Chini. Itu contoh-contohnya cerita bangsawan. Itu pada peringkat yang kedua. Peringkat yang ketiga *ni* [ini] aaa tapi maknanya pada sebelum masuk peringkat ketiga *ni* [ini] menjelang tahun *sembilan belas tiga puluhan* [1930], bidang filem ini telah memberi saingan kepada bangsawan. Bangsawan *nok* [nak] mula *down* [jatuh] nak mula jatuh, ramai pelakon pada waktu tu [itu] masuk menyertai dunia filem, masuk ke panggung wayang. Jadi mereka telah diberi tawaran, *dibayar* [dibayar] dengan lebih mahal pada waktu tu [itu]. Jadi kemudian yang ketiga masuk teater sandiwara. Biasanya ia sealiran macam cerita P. Ramlee dia masuk pada begitu dalam Malaysia ini. Teater sandiwara *ni* [ini] *kalu* [kalau] dari segi teater modennya dia masuk generasi kedualah selepas daripada aaa bangsawan generasi kedua sandiwara, tapi ia lapisan yang ketiga. Teaser ini bermula di tanah melayu berkait rapat dengan kedatangan kumpulan Miss Ribut aaa Miss Ribut *ni* [ini] sekitar tahun *sembilan belas tiga puluhan* [1930]-an. Kumpulan ini adalah sebuah kumpulan sandiwara berpengaruh di Indonesia. Jadi *hok* [yang] pengaruh Indonesia masuk pada waktu itu. Sebelum tu [itu] tadi india. Kehadirannya kesan arus pemodenan drama barat. Cerita popular tu [itu] masuk dari masa ke semasa. Cerita tu [itu] antaranya cerita Shakepeare. Shakepeare masuk pada zaman tu sandiwara, tapi dalam bentuk sandiwara *lepastu* [seterusnya] cerita pengdekar, tapi maknanya kita *kelih* [tengok] Shakepeare, kita *alih* [tukar] bahasa daripada drama tu berlaku. Pendedahan karya dan Teknik pengarahannya turut memberi

pengaruh perkembangan drama sandiwara di Malaysia. Maknanya dia mempengaruhi ikut arus perkembangan dia punya *tu* [itu]. Lapisan yang keempat, teater realisme. *Kalu* [kalau] dalam teater di Malaysia generasi yang ketiga. Bangsawan, sandiwara, realisme. Okay, dia muncul selari dengan perkembangan teater realisme di Eropah aaa di Eropah *pulok* [pula] *hokni* [yang ini] pengaruh dia sekitar abad yang ke *sembilan belas* [19]. Lakonan dia mengaitkan [batuk] gerakan badan, emosi berlebih-lebihan maknanya *real* [sebenar] banyakkkan pada awal-awal dulu dalam manual drama. Kemunculan institusi pendidikan, penulis-penulis hebat mempengaruhi dunia sekitar tahun *sembilan belas dua puluhan* [1920] an. Dengan kemunculan teater ini biasanya ceritanya itu *satu* [1] jam ke *tiga* [3] jam dia punya *tu* [itu] dan telah menenggelamkan bangsawan yang telah dipentaskan secara bersiri dan berepisod. Kadang-kadang cerita bangsawan *ni* [ini] malam pertama maknanya sambung *pulok* [pula] malam kedua sambung *pulok* [pula] malam ketiga, jadi orang kurang minat. Lepas satu satu *dok* [tak] habis lagi cerita *ni* [ini] baik tengok cerita *ni* [ini] sejam sampai *tiga* [3] jam dah habis, habis cerita dia.

**SNZ : Jadi semakin lama macam dah masuk ke realisme maknanya orang lupa yang awal?**

PA : Haaa maknanya orang dah lupa perlahan. Sebab tengok tahap kedua *ni* [ini] teater moden *ni* [ini] selepas tahap pertama oleh drama sandiwara kemudian masuk lapisan yang kelima *ni* [ini] teater kontemporari. Aaa maknanya sekaranglah banyak sehingga sekaranglah kesannya tu datang. Teater ini juga dikenali teater experimental. Ia muncul skitar tahun *sembilan belas tujuh puluhan* [1970] an. Ia

hadir apabila lahir ramai penulis muda meneroka imaginasi, menjelajah bentuk teater Barat, mencipta sesuatu yang baru dan mencari sumber budaya asli. Dia *create create* [cipta] benda baru benda baru. Plot yang dicipta tidak mengikut panduan mesti ada mula mesti ada Tengah mesti ada akhir *takdok* [tiada] tidak terikat orang kata. Dialognya mengelirukan dan watak tidak berkembang mengikut struktur cerita *realisme* [gelak]. Dia ikut *dang* [ikut suka] dia nak start mula daripada mati dulu ikut dia. Aliran ini jarang digemari oleh maknanya pengamal agama kerana ia dilihat sedikit bertentangan dengan nilai murni dan kehendak agama. Biasa begitu lah.

**SNZ : Okay haa seterusnya pada era bilakah seni teater mula popular [terkenal]?**

**PA :** Aaaa semua teater telah melalui zaman *popular* [terkenal] dan gelap tersendiri. Bangsawan, macam kita cakap tadi bermula pada tahun *sembilan belas* [1900] sehingga *sembilan belas dua puluh* [1920]. Kita tengok aaa lapisan dia. Teater sandiwara lebih kurang sckitar *sembilan belas dua puluh empat* [1924] sehingga *sembilan belas tiga puluh empat* [1934]. Kemudian teater realisme *sembilan belas enam puluh* [1960] *sembilan belas tujuh puluh* [1970], teater kontemporari *sembilan belas tujuh puluh* [1970] sehingga *sembilan belas sembilan puluh* [1990] malah sehingga sekarang pun teater tu masih ada lah. Dia masih top masa peringkat awal dulu masa tengah semarak orang-orang melihat teater.

**SNZ : Okay [baik] seterusnya, apakah jenis seni teater yang Tuan gemari?**

PA : Untuk makluman saya lebih menggemari teater tradisional macam dulu Mak Yong dan bangsawan. Tetapi bagaimanapun, saya turut menggemari teater realisme tetapi saya lebih suka memilih tema latar belakang Sejarah untuk realisme tu saya mengangkat teater-teater Sejarah elemen Sejarahlah.

SNZ : **Adakah seni teater dan juga seni lakonan yang lain seperti sketsa dan drama mempunyai perbezaan?**

PA : Teater atau drama ni adalah cerminan hidup yang terikat dengan plot, watak, latar dan konflik dan dipersembahkan dalam ruang yang lebih besar. Sedangkan sketsa adalah lakonan pendek berkaitan sesuatu isu sahaja dan elemennya kadang-kadang menggelikan hati dan boleh dipersembahkan dalam ruang yang kecil. Santai-santai macam *ni* [ini] pun boleh buat sketsa. Itu maknanya teater boleh dipersembahkan dalam suasana yang besar dan panjang

SNZ : **Menurut Tuan lah kan, adakah seni teater ini senang untuk dipelajari?**

PA : Sebenarnya mudah sekiranya kita ditunjuk ajar oleh jurulatih atau pengarah yang berkemahiran. Aaa kita perlu memahami konsep pengajaran dan maksud bermain teater itu sendiri. Untuk berlakon misalnya, seseorang perlu cepat menghafal skrip, menghayati watak. Untuk menjadi pelakon hebat mesti mempunyai kehebatan cepat membaca watak, maknanya kita baca watak, vokal yang mantap cepat menerima arahan dan pandai mengawal pergerakan *blocking* [sekatan] badan kita dan mahir untuk tindak balas dialog spontan yang *adlib* [betulkan]. Kita kena *adlib* [betulkan] *saloh* [salah] je kita kena pandai *adlib* [betulkan]. Cepat kita kena pandai. Pelakon

yang bagus macam tu la dia kena pandai supaya orang tak nampak yang kita telah melakukan kesalahan. Pengarah je yang tahu kita melakukan kesalahan penonton tidak tahu pun. Jadinya kita kena pandai *adlib* [betulkan] lah.

**SNZ : Adakah teater kanak-kanak dan teater umum yang dilakonkan oleh orang dewasa mempunyai perbezaan yang ketara?**

PA : Sebenarnya tidak banyak bezanya dia pada pandangan saya lah. Cuma sebaiknya garapan, padanan tema, peri kisah mesti bersesuaian dengan usia mereka. Ada sahaja orang dewasa melakonkan cerita kanak-kanak seperti cerita-cerita binatang atau fantasi. Tapi ada juga kanak-kanak melakonkan drama atau teater orang dewasa seperti *Bangsawan* kanak-kanak, sejarah *Hang Tuah* dan sebagainya. Jadi boleh je *takdok* [tiada] masalah.

**SNZ : Menurut Tuan sebagai seorang jurulatih teater, jika terdapat individu yang ingin menceburi bidang teater ini, apakah ciri ataupun kriteria yang perlu ada?**

PA : Memang sepatutnya banyak perkara yang perlu mereka kena adalah. Pertama mereka perlu berfikiran bahawa bermain teater tidak menjadikan mereka kaya raya. Itu yang pertama lah. Di Malaysia, di barat mungkin *okay* [baik], di Malaysia itulah sifatnya. Kedua, mereka mesti berfikiran bahawa teater boleh mengajar kita menjadi manusia aaa sebagai satu aspek ilmiah. Ketiga, teater ni berkonsepkan peniruan. Kita mesti berusaha mengajar pemain teater atau penonton teater untuk berbuat baik. Teater boleh mengajar kita menjadi manusia melalui pengajaran dengan

mengangkat cerita---tema yang bersesuaian. Keempat, mereka yang mempunyai wajah kacak dan cantik, vokal yang baik, perwatakan yang menarik satu bonus untuk mereka pergi lebih jauh. Yang rasa diri dia comel boleh, makna kalau teater bertema sejarah masih diminati, penonton sanggup datang *berduyung-duyung* [berduyun-duyun], lebih-lebih lagi produksi tersebut turut menampilkan hero dan heroin dalam kalangan artis popular. Sebaktu tadi mesti pilih pelakon yang *handsome* [kacak], comel ada karakter, watak tadi. Itu elemen-elemen yang perlu ada lah. Ada *empat* [4] elemen yang saya sebut tadi.

**SNZ : Okay, Adakah persembahan teater masih mempunyai tempat dan diminati masyarakat masa kini?**

PA : Teater masih mempunyai peminatnya tersendiri. Sebab itulah wayang kulit contohnya masih relevan dan mempunyai peminatnya tersendiri walaupun zaman sekarang zaman *TV* [televisyen], wayang kulit mesti masih ada peminat dia. *Budak-budak* [kanak-kanak] pun suka tengok. Sebab itu la wayang kulit contohnya masih relevan kerana mempunyai tema tersendiri. Teater bertema sejarah misalnya masih diminati dan penonton sanggup datang *berduyung-duyung*. Lebih-lebih lagi produksi tersebut turut menampilkan hero, heroin dari kalangan artis popular. Kalau kita tengok ni memang kita perlu macam tu la serius.

**SNZ : Soalan seterusnya, adakah trend-trend semasa penting dan menyumbang kepada penghasilan teater yang terbaik?**



PA : Sudah Pasti! (semangat) Sekiranya menjelang bulan kemerdekaan misalnya, ramai penulis berlumba-lumba menghasilkan naskah bertema sejarah dan berunsur patriotik. Kebangkitan filem Mat Kilau baru-baru ini membuka ruang kepada cerita-cerita lain maknanya untuk digalakkan seperti filem Kerambit, filem Walid yang mengangkat sejarah seni mempertahankan diri sebagai focus utama. Sebab itu, ketika saya menghasilkan naskah untuk pementasan teater Megat Panji Alam yang baru ini dipentaskan oleh *KUMPUTER* [Kumpulan Teater Terengganu] baru lagi maknanya pada *tiga hingga empat hari bulan sebelas dua ribu dua puluh tiga* [3-4 November 2023] di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu baru-baru ini, drama yang agak menarik, dewan penuh ada penonton yang tidak dapat *tengok* [melihat] tak dapat masuk dan balik dengan begitu sahaja. Masih begitu.

SNZ : **Okay aaa soalan seterusnya, adakah Tuan mempunyai cara dan juga inisiatif bagi mengekalkan penghasilan karya yang terbaik?**

PA : Bagi sayalah bagi saya ada beberapa kaedah, pertama banyakkkan mendengar, melihat, membaca dan menafsir. Yang kedua, selalu merujuk kepada sumber yang sahih. Rujuk fakta yang betul, nak buat teater *mende-mende* [apa-apa] mesti pakai orang-orang lama, yang tahu sejarah misalnya, kita rujuk kepada yang pakar. Yang ketiga, gunakan fikiran yang waras kita untuk meletakkan persepsi kita terhadap sesebuah cerita. Dalam cerita misalnya, dalam sebuah cerita *tu* [itu] aaa Haji Abdul Rahman Limbong sebagai contoh dikatakan ketua pemberontakkan kaum. Bagi perspektif kita tidak, dia adalah pejuang kaum petani di Hulu Terengganu. Kita mesti meletakkan perspektif yang betul, kita mesti melihat perkara itu. Okay, [*gelak*]

sebelum ni saya tengok ada satu soalan yang sama tapi saya tengok apakah trend-trend penting haa untuk menyumbang kepada penghasilan teater yang baik pada hari ini. Maknanya saya pinda sikit kepada soalan yang sebelum tu aaa pertama, trend semasa yang menyumbang kepada penghasilan teater yang baik yang pertama trend politik. Trend politik semasa yang bebas dan terbuka misalnya boleh mengangkat ketokohan pemimpin di pentas teater. Sebab kita dah terbuka. Zaman *PM* [Perdana Menteri] yang *kesepuluh* [ke-10] ini terbuka, kita boleh buat karya-karya berunsur politik. Yang kedua, trend sukan yang meningkat. Trend sukan yang meningkat *ni* [ini] kita boleh produksi, produksi, produksi boleh mengangkat latar atau usaha angkat tokoh. Maknanya tokoh sukan yang berjaya diangkat kepentas. Yang ketiga, trend solidariti kepada Palestin misalnya, contohnya pada hari ini, kita boleh angkat kisah dan nasib Palestin sambil mungkin kita boleh mengutip derma dan menyumbang ke tabung Palestin. Itu *tiga* [3] trendlah yang kita nampak.

**SNZ : : Untuk selingan, trend untuk Palestin tu [itu] dah ada ker [sudah adakah] orang buat teater tersebut**

**PA : Di *Tranung* [Terengganu] tidak ada lagi. Di *Kolumpo* [Kuala Lumpur] mungkin saya tidak perasanlah ada ke tidak.**

**SNZ : Okay aaa soalan seterusnya, boleh saya tahu bakat dalam bidang teater yang Tuan ada kini diwarisi daripada siapa?**

**PA : Sebenarnya ini *jugak* [juga] menarik, saya meminati teater sejak kecil lagi. Mungkin dari pemerhatian saya terhadap Atuk saya. Atuk saya *ni* [ini] seorang penarik**

gembang *beloh* [sebelah] *Tranung* [Terengganu] orang panggil tukang ceritalah macam tok dalang di *Tranung* [Terengganu] ni terkenal dengan penarik gembang. Aaa Tok Wan saya, atuk Perempuan saya seorang penyair. *Kalu* [kalau] *anak* [anak] cucu orang dulu-dulu, saya ingat *kecik-kecik* [kecil-kecil] dulu nok [nak] *boleh* [boleh] *ko* [untuk] *tido* [tidur] syair dulu, *Siti Zubaidah* *dengar laa tuan* [bersyair] jadi zaman kita dulu-dulu sentiasa *mendengor* [mendengar]. Begitu juga bonda saya. Bonda saya juga seorang pemantun dan penyair. Zaman kita *kecik-kecik* [kecil-kecil] kita nak mengulik adik-adik *tido* [tidur] yang kecil saya ingat lagi dulu-dulu, dia berpantun, bersyair. Jadi maknanya saya rasa mungkin itu lah bawa kepada bakat saya. Mungkin dari segi darah tu tadi dan mungkin juga berkait dengan nama tadi. Nama yang diberi *tu* [itu] Azaha tu yang berbunga-bunga, maknanya kita jadi orang seni. Itu antaranya .

**SNZ : Selain daripada teater dan seni berbahasa ini, adakah Tuan mempunyai kemahiran dalam bidang seni lain ?**

PA : Dalam seni lukis saya tidak ada *bakat* [gelak] tapi saya berkebolehan dalam rekaan set dan prop. Maknanya untuk untuk buat set pentas, teater mesti buat prop. insyaAllah maknanya saya mampu buat aaa saya juga boleh dari segi audio dan juga visual, boleh walaupun tidak berbakat. Maknanya tidak berbakat *besar* [besar] maknanya untuk teater kita sendiri kita masih boleh buat.

**SNZ : Kalau orang cadang untuk buat untuk teater tu maknanya boleh buat lah prop?**

PA : [angguk] haaa maknanya boleh buat lah. Saya juga boleh sedikit dalam mencipta lirik lagu. Jadi makna kalau ada untuk drama kita biasanya saya buat sendirilah lirik lagu, lagu-lagu yang *simple-simple* [ringkas] untuk drama saya biasanya insyaAllah tiada masalah.

**SNZ : Bagi Tuan, apakah aspek paling mencabar ataupun sukar dalam bidang teater dan seni berbahasa ini?**

PA : Aaa saya paling tidak suka bercakap soal istilah dalam teater. Kalau kita tengok istilah tadi tu banyak istilahnya berpandukan teater Barat. Jadi saya tidak berminat lah. Sehingga ke hari ini pun saya tidak suka memperkatakannya kalau tanya istilah-istilah yang pelik-pelik ker saya tak suka. Aaa , dalam teater paling kritikal apabila pelakonnya tidak mampu menghafal skrip. Nak hafal skrip nak hafal teks, atau anak-anak yang tidak boleh membaca skrip misalnya contoh, kita ada masalah. Ini maknanya mesti memberi kefahaman terhadap sesebuah cerita itu untuk mereka dapat *mende-mende* [apa-apa] tu.

**SNZ : Semasa penerbitan karya pertama Tuan sama ada dari segi pementasan teater dan juga penulisan, apakah penerimaan masyarakat setempat terhadap Tuan?**

PA : Rata-rata masyarakat setempat sebenarnya masih tidak mengenali dan mengetahui latar belakang Pak Alang itu sendiri. Saya banyak berkarya di luar. Malah, saya biarkan ianya terus begitu. Orang *kapung* [kampung] kadang-kadang tak tahu kerjaya Pak Alang yang sebenarnya. Pak Alang kerja *mende* [apa] pun *diorang* [mercka] tak tahu. *Diorang* [mercka] tahu kita kerja tapi dekat JKKN tu jc lah.

Ramai tidak tahu saya memenangi banyak anugerah kecuali golongan dalam bidang ini lah, tokoh-tokoh dalam bidang teater, bidang sastera tahu kita menang. Tapi masyarakat ramai yang tidak tahu sebenarnya. Saya pun tidak pernah memaklumkan apa-apa kepada siapa-siapa. Maknanya *takde* [tidak ada] *bagitahu* [memberitahu] ” eh saya menang tulis skrip saya menang ini tiada. Biasanya, saya biar je macam tu. Sampai sekarang pun *tok tahu* [tidak tahu]. Saya tiada masalah benda tu.

**SNZ : Okay untuk pengalaman kerjaya yang kedua iaitu bidang pengarah teater, pada tahun bilakah Tuan mula dikenali masyarakat sebagai seorang jurulatih dan pengarah teater?**

PA : Aaaa [*batuk*] saya sebenarnya bermula pada tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995], *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] ni [ini] sebab masa itu saya *start* [mula] masuk di *USM* [Universiti Sains Malaysia] ramai dah *geng-geng* [kumpulan] *start* [mula] berlakon buat projek teater disitu. Jadi bermakna bermula disitulah kita *join* [sctai] teater ini.

**SNZ : Okay aaa adakah Tuan mempunyai asas dalam bidang pengarah teater?**

PA : Sewaktu belajar di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dan Akademi Seni Kebangsaan ataupun *ASWARA* [Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan] sekarang, kami telah didedahkan dengan subjek lakonan dan pengarah teater. Jadi dia membawa ke sekarang. *Start* [mula] daripada *USM* [Universiti Sains Malaysia] dan *ASK* [Akademi Seni Kebangsaan] lah.

**SNZ : Pada pendapat Tuan, adakah pengarah teater ini mencabar?**

PA : Ya [*gelak*] kerana ia membabitkan arahan terhadap ramai orang seperti pelakon, penari, pemuzik selain itu kita kena berurusan dengan tenaga produksi demi kelancaran produksi. Kalau pelakon kita panggil berlakon sahaja. *Kalu* [kalau] pengarah kena lihat pelakon, set dan prop lah jadi banyak perkara kita kena *handle* [mengendalikan].

**SNZ : Okay aaa kebiasaannya, teater yang diarahkan oleh Tuan diadakan di mana?**

PA : Awal pembabitan saya dengan teater banyaknya dipentaskan di Kuala Lumpur. Sejak bekerja di Terengganu barulah ia banyaknya dipentaskan di negeri Terengganu. Peringkat awal sebab kita berkarya di *Kolumpo* [Kuala Lumpur].

**SNZ : Sepanjang Tuan menjadi pengarah teater, apakah kenangan pahit dan manis yang tidak dapat dilupakan?**

PA : Kenangan manis pertama apabila dapat mengarahkan makyung kanak-kanak pertama di Malaysia 'Raja Pencil' *tahun dua ribu* [2000], bangsawan kanak-kanak pertama di Terengganu 'Naga Chini' pada tahun *dua ribu lima* [2005] kemudian menerima Anugerah Penggiat Seni Teater Negeri Terengganu pada tahun *dua ribu dua puluh dua* [2022]. Jadi hasil kita buat teater ni kita terima anugerah. Itu makna satu penghargaan yang baiklah. Kenangan pahit ketika mengarah teater tradisional diganggu oleh makhluk ghaib sehingga membuatkan saya tidak boleh tidur sampai ke pagi. Macam kita buat Makyung *tu* [itu] makhluk, biasanya tradisional tu gitulah [begitulah]. Kalau kita *saloh* [salah] ini dia ikut sampai ke rumah. Ganggu laa [*buat*

*bunyi menakutkan*]. Benda biasa lah makhluk ghaib ini [*gelak*]. Pernah panggung itu kita nampak, kita rasa panggung itu bergegor [*bergegar*] di angkat oleh jin itu. Sebab waktu tu cerita Makyung tu cerita jin. Kiranya jin tu yang angkat, kita nampaklah maknanya Tuhan bagi nampak, kita nampak benda tu seolah-olah marah. Orang biasa mungkin tidak nampak *bergegor* [*bergegar*] dia tu. Mungkin Tuhan tak zahirkan pada oranglah maknanya dia bagi kita sahaja tengok.

**SNZ : Okay aaa Tuan mendapat dorongan untuk menjadi seorang pengarah dan jurulatih teater daripada siapa?**

**PA :** Saya banyak diberi tunjuk ajar oleh guru hebat dalam kalangan tokoh teater dan seniman negara. Di antara tokoh teater, Dr. Hatta Azad Khan, Kala Dewata, Kala Dewata tahu sape [*siapa*] dia ? Kala Dewata ni, ayah Azmil Mustapha, Kalam Hamidi, Zakaria Ariffin, Dr. Samat Salleh, Dato' Syed Alwi bin Syed Hassan, Dato' Noordin Hassan, Rosminah Tahir, Rosli Mansor, Sdr. Arwah Sarifudin Haji Marzuki, abang Jiji, Tuan Haji Marzuki Ali, Tuan Haji Wan Ahmad Ismail dan Saudara Othman Zaharuddin Harun yang baru menangi anugerah tokoh seni *tranung* [*Terengganu*] *baruni* [*baru-baru ini*] termasuk dari luar negara maknanya saya pernah mendapat pendidikan daripada Putu Wijaya Indonesia dan juga Ronald Rank aaa macam seniman Negara Hamzah Awang Amat, Khatijah Awang, Rahman B. Jadi tokoh-tokoh *biso* [*hebat*] menjadi guru kita. Jadi maknanya saya rasa seronok, bangga, maknanya berpuas hati berguru dengan mereka orang-orang hebat.

**SNZ : Selain teater pengarahan Tuan yang diketahui umum, apakah masih ada lagi pementasan teater arahan Tuan yang terkini?**

PA : Sebenarnya ada beberapa pementasan teater kecil yang terakhir yang tidak ada dalam rekod saya dalam blogspot itu karya yang terakhir-akhir ini. Sebenarnya ada beberapa teater kecil antaranya, Teater Muzikal *Adam, Sofea dan Rimba*. Ini agak menarik kerana ia dibuat sempena Projek Pemindahan Ilmu *Universiti Malaysia Terengganu* (UMT) dengan kerjasama JKKN dan *JPN* [Jabatan Pendidikan Negeri] pada tahun *dua ribu dua puluh dua* [2022]. Ia melibatkan penyertaan *empat puluh* [40] orang pelajar [pelajar] pendidikan khas dari empat [4] buah sekolah terpilih di sekitar Kuala Nerus ni. Yang kedua, Teater Sketsa 'Rukun Negara' baru ini melibatkan pelajar dari sebuah sekolah menengah di *Tranung* [Terengganu] dan memenangi Johan Peringkat Negeri *Tranung* [Terengganu]. Itu yang terakhirlah yang terakhir sekali.

**SNZ : Selain itu, untuk menjadi seorang pengarah yang mampu menghasilkan banyak karya, apakah nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam diri Tuan?**

PA : Macam saya sendiri, ada beberapa perkara yang saya terapkan yang pertama ialah, pertama mesti berdisiplin, terutama patuh pada masa. Yang kedua, menjadi pendengar yang baik. Yang ketiga sentiasa menerima teguran yang positif. Orang tengok kita berkarya orang tegur itu ini kita kena terima. Yang keempat, kita berubah kebaikan insani. Maknanya kita rasa benda yang baik orang cadang orang *ni* [ini] kita ubah. Kadang-kadang ada pengarah tu "aku *tak mboh* [tak nak] aku mesti ikut



aku". Selagi benda tu positif kearah kebaikan, kita ubah *jer* [sahaja] kita terima jer. insyaAllah orang pun akan suka dengan kita. Ramai orang maknanya akan menyukai karya kita. [batuk]

**SNZ : Soalan seterusnya, pada pendapat Tuan, apakah signifikan bagi penghasilan sesebuah teater?**

PA : Sesebuah teater memberi pengajaran, nilai murni tanpa sedar. Sebuah hiburan yang menerapkan pelbagai pengajaran. Jadi dalam ni masyarakat lebih mudah menerima teguran dalam suasana terhibur. Jadi kita rasa maknanya sebab itulah teater dibuat. Maknanya orang akan terima teguran kita dalam bentuk hiburan.

**SNZ : Okay seterusnya, adakah pengarah teater Tuan menggunakan bahasa melayu sahaja?**

PA : Ya. Setakat ini hanya menggunakan bahasa Malaysia sahaja. Walau bagaimanapun, kita juga menggunakan dialek-dialek *dacrah* dan Bahasa Inggeris yang bertujuan mengajar atau menegur ada juga kita selitkan. Dialog-dialoglah tapi drama teater mesti teater bahasa melayu lah. Tapi ada melibatkan karakter-karakter *kalu* [kalau] watak penasihat Inggeris ada perkara 'yes' [ya] 'no' [tidak] macam biasa. Ada perkara kalau melibatkan aksi-aksi melibatkan aaa ada orang *tranung* [Terengganu] mesti kena ada lorat *tranung* [Terengganu] mesti ada dialek Pahang, mesti ada dialek orang *Perok* [Perak].

**SNZ : Antara hasil arahan teater Tuan, karya manakah yang Tuan rasa ianya paling terbaik dan mengagumkan?**

PA : Terbaik dan mengagumkan? Antaranya, tetap saya katakan Makyung Kanak-kanak tadi aaa 'Raja Pencil tahun *dua ribu* [2000] Teater Bangsawan Kanak-kanak 'Naga Chini' tahun *dua ribu lima* [2005] Satu lagi ialah ketika saya menjadi pengarah pementasan teater *Api Timur*. Api Timur tu *special* [istimewa] dia, dia dibuat sempena Seminar Tokoh Penulisan Yang Mulia Tengku Dalam Kalthum bt. Tengku Wok Khazaki ini peringkat Kebangsaan aaa kita buat dia masa tu di Taman Budaya Negeri Terengganu sekarang ni kompleks JKKN negeri *Tranung* [Terengganu] lah. Kita buat pada tahun *dua ribu tiga* [2003]

**SNZ : Dekat kah JKKN daripada sini [rumah Pak Alang]?**

PA : Lebih kurang *empat puluh kilo* [40KM]. Di tepi sebelah masjid *terapong* [terapung] dia Kuala Ibai.

**SNZ : Okay aaa seterusnya, adakah bayaran bagi setiap hasil arahan Tuan setimpal dengan usaha dan kerjasama yang Tuan sumbangkan?**

PA : Sebenarnya saya tidak pernah memikirkan soal bayaran. Terus terang saya katakan hampir banyak karya saya tidak *dibayar* [dibayar] atau bayaran sekadar lepas membayar minyak motosikal atau kereta sepanjang berulang-alik mengarah teater. Jadi, rasa tidak berbaloi lah tapi pada keseronokkan kita, kepuasan kita untuk berkarya.

**SNZ : Soalan seterusnya, bagaimana Tuan hendak mengekalkan mutu dalam sebuah persembahan teater tersebut?**

**PA :** Ada beberapa perkara yang perlu kita tekankanlah untuk mutu persembahan ini. Pertama, mesti memilih naskah yang baik. Kedua, mesti memilih pelakon dan pekerja produksi yang berkualiti. Yang ketiga, mesti memilih rakan kerjasama yang sentiasa menyokong produksi. Umpama persatuan, mana yang kita nak guna atau syarikat mana yang kita nak buat teater ini, kita mesti pilih. Tiga perkara ini penting. Skrip, pelakon, produksi persatuan atau syarikat yang kita nak berurusan

**SNZ : Okay aaa bagi soalan seterusnya, adakah Tuan turut mempunyai cabaran dari segi pengurusan masa sepanjang Tuan berkecimpung dalam bidang seni ini?**

**PA :** Ada aaa kita kena pandai menyesuaikan masa. Kadang-kadang orang tengok dari segi masa kita ada *dua puluh empat* [24] jam. Kita kena pandai. Allah telah beri yang sebaiknya. Biasanya Pak Alang akan *create* [cipta/buat] *lapan* [8] jam untuk tidur, jadual rehat kita. *Lapan* [8] jam untuk kita bekerja, dan *lapan* [8] untuk kita bersama keluarga dan bermasyarakat. Dalam ni ada perkara kita kena bekerja, ada perkara kita kena memberi ruang kepada masyarakat. Jadi maknanya ada masa untuk berteater, bermain ker, kita dah ada masa. Jadi tidak ada masa lah *berkejoj* [berkejar] sana *berkejoj* [berkejar] sini, *takdok* [tidak ada]. Semua berjadual.

**SNZ : Okay aaa kita pergi ke pengalaman kerja yang seterusnya iaitu penulisan skrip. Bagi penghasilan skrip lakonan pula, adakah ianya sukar bagi Tuan?**

PA : Oleh kerana saya adalah seorang penulis, makanya tidak sukar aaa bagi saya untuk menulis skrip drama. Sukarnya ialah apabila untuk kita memilih cerita, kita nak buat *cerita apa bende* [cerita apa yang nak dibuat] yang boleh menarik khalayak penonton menyaksikan pementasan tersebut. Dalam hal ini, misalnya aaa contohnya Kerajaan Terengganu hari ini di bawah kepimpinan *PAS* [Parti Islam Se-Malaysia]. Jadi, saya cuba berusaha memilih cerita yang mengangkat perjuangan tokoh-tokoh Islam di Terengganu. Contohnya, saya mengangkat cerita sejarah seperti Megat Panji Alam dan Haji Abdul Rahman Limbong. Haa untuk dipentaskan. Ia sesuai dengan kepimpinan kerajaan negeri sekarang.

**SNZ : Adakah aspek gaya bahasa di dalam skrip lakonan itu penting dan perlu dititik beratkan?**

PA : Saya melalui pendidikan formal di *USM* [Universiti Sains Malaysia] dan *ASK* [Akademi Seni Kebangsaan]. Jadi, saya akan menulis dengan menitik beratkan elemen-elemen gaya bahasa. Saya juga pencinta bahasa. Saya tidak mudah untuk menjadi perosak bahasa. Jadi lagipun, banyak karya saya hari ini ditulis untuk menyertai pelbagai pertandingan atau sayembara penulisan. Penganjur biasanya menitik beratkan aspek bahasa. Lebih-lebih lagi untuk diterbitkan. Jadi, untuk memenangi pertandingan, saya pastinya berusaha mematuhi garis panduan yang disediakan.

**SNZ : Adakah proses sintaksis perlu diadakan selepas menyiapkan sebuah skrip lakonan?**

PA : Dalam hal ni banyak istilah yang boleh dipakai. Sintaksis merupakan ilmu bahasa mengkaji proses pembinaan ayat, betul? [bertanya]. Sehubungan itu, untuk menghasilkan naskah yang baik, ianya perlu kerana ia boleh membentuk pembinaan ayat dan dialog yang berkesan serta penonton dapat menikmati cerita dipentaskan dengan lebih berkesan.

**SNZ : Bagi menyiapkan sebuah skrip, adakah ia mengambil masa yang lama?**

PA : Biasanya, saya akan menyiapkan sesebuah skrip itu untuk tempoh *satu* [1] bulan lamanya. Sama ada skrip drama pentas, novel, drama *TV* [televisyen] biasanya saya akan siapkan dalam *satu* [1] bulan. Sekiranya tidak disiapkan dalam tempoh tersebut, biasanya karya tersebut tidak akan siap sampai bila-bila. Idea tak datang selalu. Sekiranya, ia tak ditulis idea lain pula akan muncul dan mengganggu penulisan kita seterusnya. Kalu [kalau] kita tak siap dalam *satu* [1] bulan itu, idea lagi mari, *jeng* [kosong]. Kita *takleh* [tidak boleh] *capur* [campur] dah. Untuk saya lah sebagai penulis, orang lain saya tak tahu. Ada yang boleh simpan, simpan, saya tak boleh.

**SNZ : Okay soalan seterusnya, Jika skrip menggunakan bahasa Melayu yang tinggi, adakah pelakon menghadapi kesukaran untuk menghafal skrip tersebut?**

PA : Aaa [*berfikir*]. Sebenarnya pelakon yang baik boleh menghafal naskah dalam keadaan mana sekalipun. Tetapi biasanya, bergantung kepada pengarah untuk penuturan dialog yang dikhendaki. Kadangkala, pengarah ingin penuturnya dalam

dialek daerah atau negeri. Seorang penulis seperti saya memang akan menulis naskah dalam bahasa Melayu, Malaysia yang baik. Jarang sekali kita menulis ikut penuturan dialog watak-watak yang dibangunkan. Pengarahlah yang akan menentukan bagaimanakah pelakon tersebut untuk menuturkan dialognya. Tanggungjawab pengarah lah yang menuturkan. Dari segi naskah, kadang-kadang nak diterbitkan biasanya takkan nak ikut 'ish' 'ahh' itu tak akan.

**SNZ : Biasanya untuk dialek daerah kan, macam Tuan ambil pelakon kan, pelakon negeri ke atau ada Tuan ambil pelakon daripada luar ?**

PA : Ada juga biasanya orang Selangor pun boleh cakap Terengganu.

**SNZ : Okay aaa pernahkan Tuan mendapat sebarang kritikan untuk hasil karya seni Tuan?**

PA : Setakat ini belum pernah kerana hampir semua naskah yang ditulis, dipentaskan dan dihantar pertandingan dan memenangi hadiah. Biasanya, banyak begitu, karya-karya kita yang dipentaskan akhir-akhir ini banyak yang menang anugerah, kita pentaskan. Jadi bagi kita ikutlah panel penilai sebagai pengkritik kita. Ada juga yang mengkritik mengenai pengakhiran sesebuah cerita yang saya tulis. Tetapi saya abaikan saja kerana itu penyudah pilihan saya. Ikut saya lah. Kalau Tuan sebagai pengarah, ikut Tuan nak penyudah macam mana. Penyudah saya itu haaa. Yang berlaku itu sahaja. Saya terima kritikan berbentuk ilmiah. Lagipun, orang yang mengkritik itu biasanya bukan dalam bidang ini. Jadi maknanya bukan saya tidak boleh menerima pandangan tersebut, cuma cadangan yang dibuat itu perlu ditulis

dalam karya yang lain. Cadangan dia kita kena tulis dalam karya lain. Karya ini saya nak begini cerita dia, begitulah.

**SNZ : Bagi soalan terakhir untuk penulisan skrip, apakah cabaran yang dihadapi untuk menghasilkan sesebuah skrip sama ada dari segi morfologi mahupun sintaksis?**

PA : Ini satu lagi istilah maknanya bahasa yang saya tidak suka sebenarnya. Morfologi kajian pembentukan kata dalam sesuatu bahasa, termasuk infleksi, terbitan dan pemajmukan. Morfologi juga bidang tatabahasa yang mengkaji morfem dan perkataan dalam sesuatu Bahasa. Sintaksis, ilmu Bahasa mengkaji proses pembinaan ayat. Jadi ada *dua* [2] perkara itu skop. Tapi biasanya, ia muncul apabila saya menghasilkan karya untuk pertandingan. Biasanya saya akan tekankanlah. Ia sukar untuk diterjemahkan. Apapun, kita perlu banyak menelaah, membaca buku, mendapatkan pandangan berdasarkan sasaran watak dan perwatakan yang kita pilih. Biasanya penulisan ini tidak pernah pun saya fikirkan. Walaupun penulisan biasa tak pernah pun saya fikir dalam aspek-aspek ini. Kecuali untuk pertandingan biasanya saya sedikit tekankanlah.

**SNZ : Okay kita pergi ke pengalaman kerjaya yang terakhir iaitu pementasan teater. Okay untuk pementasan teater, adakah ianya melibatkan banyak pihak?**

PA : Ya. Semamangnya. Setiap pementasan teater mesti ada beberapa elemen yang akan terlibat untuk menjayakan persembahan itu. Kita mesti kena ada penerbit. Penerbit yang mengeluarkan modal /belanja. Kita mesti ada pelakon dan pemain teater yang

mungkin membabitkan penari, pemuzik, penyanyi. Kita perlukan tenaga produksi. Tenaga produksi yang akan menguruskan tempat pementasan, promosi, jemputan, tenaga pentas, kru. Kita kena ada pengurus panggung, kita kena ada juru teknikal, juru audio, juru visual yang kalau melibatkan visual, LED misalnya dan pelbagai lagi. Banyak pihak yang kita akan libatkan. Kalau tidak kita tidak dapat menghasilkan. Kita tidak mampu membuat pementasan ini.

**SNZ : Adakah Tuan menghadapi cabaran untuk pemilihan pelakon yang sesuai bagi setiap watak?**

PA : Biasanya untuk projek saya sendirilah, saya tidak menghadapi masalah dalam pemilihan pelakon. Kerana ketika di Kuala Lumpur misalnya saya bekerjasama dengan *Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)* Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan *Majlis Teater Malaysia (TEMA)*, *Majlis Teater Kebangsaan* untuk mencari pelakon. Di Terengganu, saya kerjasama dari *Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)* Terengganu untuk mendapatkan daripada anak-anak *pelajar* [pelajar] daripada *Kelab Tunas Budaya* ataupun *aaa* (berfikir) *Kumpulan Giat Budaya*, pelajar *sekoloh* [sekolah] *menengah* [menengah] *Kumpulan Giat Budaya* untuk kita tu. Dan juga kalau NGO, kita kerjasama dengan *Majlis Teater Negeri Tranung* [Terengganu]. Jadi itu sebenarnya tidak ada masalah. Setakat ini *aaa* program saya, pementasan saya tidak ada masalah.

**SNZ : Kiranya pelakon itu yang Tuan kenal lah ?**

PA : Biasanya yang kita kenal. Betul-betul berbakat yang kita pilih.



**SNZ : Bagi setiap pementasan teater, berapakah modal yang diperlukan untuk sebuah persembahan?**

PA : Kadar nilai mata wang dan ekonomi semasa negara mempengaruhi pembangunan seni budaya dan teater itu sendiri. Berpandukan pengalaman saya sejak melibatkan diri dalam pementasan teater boleh dipecahkan dalam *tiga* [3] perkaralah. Maknanya saya dah susun. Tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] sehingga tahun *dua ribu* [2000] sekitar *sepuluh ribu* [10,000] ke *dua puluh ribu* [20,000] dah boleh buat teater. Pada tahun *dua ribu* [2000] sampai tahun *dua ribu dua puluh* [2020] sekitar *dua puluh ribu* [20,000] ke *tiga puluh ribu* [30,000] kita masih boleh buat teater. Sekitar tahun *dua puluh dua puluh* [2020] sehingga sekarang, *dua puluh dua puluh tiga* [2023] sekitar *empat puluh ribu* [40,000] sehingga ke *seratus ribu* [100,000]. Jadi bermakna peningkatan akan nada. Bayaran pelakon, makan minum kadang-kadang servis ini servis itu maknanya banyak perkaralah. Semuanya ada peningkatan.

**SNZ : Okay untuk soalan seterusnya, bagi pementasan teater kanak-kanak, adakah pelakon kanak-kanak itu sendiri menghadapi kesukaran untuk menghafal skrip?**

PA : Biasanya, saya akan menulis skrip berdasarkan kumpulan sasaran yang akan saya libatkan. Jadi maknanya sekiranya saya memilih penyertaan kanak-kanak, biasanya naskahnya tidak banyak pengucapan tetapi aksi bersahaja. Dialog yang ringkas dan

mudah sahaja. Sekiranya sasaran penyertaan sekolah menengah saya akan menyamakan maknanya dialog dan aksi *lima puluh lima puluh* [50/50]. Jadi maknanya mereka ini sudag boleh menghafal dengan baik, memahami dengan mudah setiap arahan daripada pengarah. Dan jika menggunakan kumpulan NGO BBK Seni budaya, tiada masalah kita nak menghasilkan skrip sama ada banyak dialog, banyak aksi atau ataupun banyak dialog banyak aksi sahja. Boleh sahaja. Jadi dia ada *tiga* [3] peringkat lah.

**SNZ : Okay aaa soalan seterusnya, adakah Tuan dapat mengenal pasti perbezaan di antara pementasan teater sewaktu di awal penglibatan Tuan dahulu dengan pementasan teater yang moden kini ?**

PA : Perbezaan dulu dan kini? (bertanya). Dahulu, menyertai produksi teater kerana minat, pelakonnya berdisiplin, produksi menghasilkan set dan prop dari bahan yang ada dan terbuang saja. Sekarang, menyertai produksi untuk glamour, pelakon kurang berdisiplin, untuk produksi buat sesuatu perkara itu sct, prop semua tu mesti kena ada duit. Sedangkan dulu kita buat guna barang terbuang. Sekarang ni semua nak duit. Set nak duit itu nak duit ini nak duit semua nak duit. Itu masalah sekarang.

**SNZ : Selain dari pementasan teater, apakah Tuan berminat untuk menceburi dalam bidang seni lakonan yang lain?**

PA : Saya juga sebenarnya pernah melibatkan diri dalam drama *tv* [televisyen], dokumentari, pembabitkan seni budaya. Tidak ada masalah. Setakat ini berminat lah. Ada lah sikit satu dua ada mclibatkan diri.

**SNZ : Berapa lamakah Tuan mula berteater di dalam saluran TV atau sosial media ini?**

PA : Saya mula bergiat sekitar tahun sembilan belas sembilan puluh enam [1996], sewaktu di Akademi Seni Kebangsaan kerana rata-rata tu pensyarah-pensyarah kita semua penerbit-penerbit drama *TV* [televisyen]. Jadi tidak ada masalah. Jadi masa tu kita mulalah daripada program-program *TV* [televisyen] yang bersesuaian, kita sertailah.

**SNZ : Untuk menerbitkan sesebuah karya, adakah syarikat penerbit itu memberi kerjasama yang sepenuhnya dengan pihak Tuan?**

PA : Ya. Ramai di kalangan mereka adalah guru-guru yang pernah mengajar kita di universiti dan mengenali saya secara peribadi. Biasanya, sesebuah syarikat akan menawarkan jumlah bayaran untuk mendapatkan naskah kita yang dianggap berkualiti. Biasanya, mereka akan membeli naskah apabila harga dipersetujui. Jadi tidak ada masalah. Macam juga apabila kita nak cari pelakon, maknanya yang sesuai, kita rasa mampu, sesuai dengan kita, kita terima.

**SNZ : Soalan seterusnya, antara pementasan teater yang diarahkan oleh Tuan, adakah Tuan sendiri dapat mengenal pasti teater manakah yang paling mendapat sambutan hangat daripada penonton?**

PA : Hampir semua teater saya buat, saya pentas semua mendapat sambutan hangat. Biasanya panggung penuh. Hampir semua. Tetapi maknanya tetap aaa masuk ke

hati saya, tetap dihati antaranya, Mak Yong Raja Pencil tahun *dua ribu* [2000] kerana hampir di kalangan individu tu nak *bawak* [bawa] teater itu pergi ke India untuk dipentaskan di India. Tetapi kita tak sempat nak buat oleh kerana pelajar [pelajar] waktu itu tarikh yang dia nak bawa menghadapi peperiksaan. Tapi kita itu tidak ada masalah. Kiranya tahap kita mereka *nok* [nak] *bawok* [bawa] teater kita pergi ke India. Sampai tahap begitulah. Dan kemudian Teater Api Timur. Teater Api Timur jugak pernah panggung, maknanya kita anggap satu yang menarik di Terengganu kerana ia adalah sampai peringkat kebangsaan. Maknanya sempena Seminar Pemikiran Tokoh, tetapi juga ia umpama macam buka panggung di kompleks JKKN Terengganu tersebut. Sebab peringkat awal kompleks JKKN Terengganu start [mula] berpindah ke kompleks itu tahun *dua ribu dua* [2002] *dua ribu tiga* [2003] tu kita buat seminar peringkat kebangsaan.

**SNZ : Okay soalan seterusnya, Selain daripada cabaran dalam pemilihan pelakon, adakah Tuan sendiri pernah menghadapi situasi di mana barisan pelakon ingin menarik diri?**

PA : Setakat ini tak pernah haa tak pernah. Setakat projek kita, program kita ni tak pernah lagi.

**SNZ : Untuk menjadi pelakon teater, adakah perlu menghadiri sesi ujibakat terlebih dahulu?**

PA : Ya. Macam kita kata tadi, sepatutnya begitulah kerana dari situ, pengarah dapat menentukan kemampuan seseorang menjadi pelakon. Dari situ juga maknanya,

pengarah dapat memilih pelakon itu sesuai ke tidak jadi watak utama ke, pelakon pembantu ke atau pelakon tambahan, atau kadang kala maknanya tidak boleh jadi pelakon. Kita *tukor* [tukar], kita suruh dia jadi pembantu pentas, di belakang pentas. Biasanya begitu. Sebab daripada ujibakat itu sebenarnya, bukan kita pilih tambahan sahaja. Kadang kala kita memilih pelakon utama tetapi biasanya ujibakat biasanya pada pelakon utama, biasanyalah. Tetapi yang ketidak mampuan dia untuk menjadi pelakon utama biasa kita boleh meletakkan daripada ujibakat kita, kita dapat, kalau pengarah dia tahu dah aaa tak dapat pelakon utama dia boleh jadi pelakon atau watak yang tambahan yang ada pengarah dah tahu dah watak yang lain-lain. Dia sesuai watak tambahan, watak pembantu, tak sesuai langsung ni jadi pelakon, cuma jadi kru je. Kalau dia masih berminat boleh jadi kru.

**SNZ : Okay soalan terakhir bagi bahagian ini, jika tidak keberatan, bolehkan Tuan kongsikan sedikit cara untuk pelakon menjiwai watak yang perlu dibawa mereka?**

**PA :** Ummm ada beberapa perkara yang saya perlu maklumkan. Yang pertama, mesti fahami watak. Yang kedua, hayati perwatakan. Yang ketiga, kenal pasti bagaimana kehendak pengarah. Yang keempat, sediakan beberapa contoh perwatakan untuk dicadangkan kepada pengarah. Jadi seorang pelakon dia kena cadangkan maknanya beberapa, maknanya nak macam ni nak macam ni. Jadi terpulang nak macam mana. Bahasa mudahnya banyak cara boleh dibuat supaya lakonan kita boleh dirasai oleh penonton. Kadang kala, macam mana nak marah, macam mana nak sedih. Nak marah senang sahaja. Kadang kala nak marah perlu pernafasan yang cepat (buat

pernafasan yang cepat). Cuba tarik nafas dengan cepat nampak macam marah. Sedih, kita buat nafas lambat-lambat [*buat nafas lambat*]. Kesedihan itu akan timbul. *Simple* [ringkas] je kan. Maknanya nak marah pernafasan dengan cepat. *Feeling feeling* [perasaan] itu kena ada. Kadangkala, perasaan tidak perlu lahir dengan kata-kata. "aku benci kau! aku bencik kau!" tak perlu. Tak jadi, kadang kala kita perlu hanya dalam teater kita pusing belakang kita tahu dah dia benci kan, betul?. Kadang kala "aku benci kau pergi lah engkau pergi" tak perlu. Kadang-kadang, kita urmph kita pun tahu benci. Haaa aksi begitu. Contoh-contoh lah. Kadang kala hanya perbuatan dan sikap boleh menunjukkan kita. Orang mari kita pusing belakang. Maknanya kita tak suka la. Kita pusing belakang pun orang dah tahu dah orang tu tak suka kita.

**TAMAT BAHAGIAN D**

## BAHAGIAN E: SUMBANGAN & PENCAPAIAN

**NH** : Untuk soalan pertama bahagian ni [ini] apakah sumbangan atau pencapaian yang paling Tuan ingati ?

**PA** : Erm (fikir) *ade* [ada] *banyak* [banyak] *macam* [seperti] kita tengok di dalam blogspot itulah *tapi* [tetapi] antaranya saya tetap ingat saya sebagai penulis skrip dan pengarah untuk Megat Bidong. Itu adalah pementasan teater yang pertama *saye* [saya] di Terengganu. Yang *pertame* [pertama]. Yang *kedue* [kedua] sebagai penulis skrip dan pengarah untuk Tunas *Budaye* [Budaya] kali *kedue* [kedua] cerita Raja *Rimbe* [Rimba]. Kemudian saya sebagai penulis skrip dan pengarah persembahan teater bangsawan kanak-kanak. Jadi ada turutan setiap tahun *saye* [saya] membuat persembahan. Kemudian *antare* [antara] lagi saya sebagai pegawai penyelidik dan juga penulis skrip untuk *err* teater tradisional Terengganu Nong Sakti. Haa Nong Sakti, *saye* [saya] sebagai pegawai penyelidik daripada *dua ribu dua belas* [2012] *masatu* [masa itu]. Kemudian dibuat persembahan di-pada tahun *dua ribu lima belas* [2015]---*enam belas* [2016], *tujuh belas* [2017] *makne* [makna] berturutan sampai ke-kemudian yang terakhir *baruni* [baru ini] *kita* [saya] buat di Kuala Lumpur karya-karya kita ini. Dan kemudian *maknenye* [magnanya] di akhirnya *saye* [saya] sebagai *penerime* [penerima] anugerah penggiat seni teater di Terengganu tahun *dua ribu dua puluh dua* [2022] magnanya yang terakhirlah setakat *ni* [ini].

NH : *Okay* [baik] untuk seterusnya sepanjang berkhidmat di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Terengganu ini, apakah sumbangan terbesar yang telah Tuan berikan ?

PA : *Erm* (fikir) sejak kompleks *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] di Terengganu ini siap dibina pada tahun *dua ribu dua* [2002], sayalah orang yang *pertame* [pertama] haa bersama saudara Rosmadi Abdul Rahim bertugas di situ sebelum *semue* [semua] kakitangan *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] aaa yang *masatu* [masa itu] dari pejabat *lame* [lama] di bangunan Wisma Seri Amar *berpindah* [berpindah] ke situ. Sumbangan *saye* [saya] *jugak* [juga] saya menghidupkan kompleks *JKKN* [Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara] Terengganu yang dahulu dikenali Taman Budaya dengan *kelah* [kelas] dan aktiviti teater *err* secara mingguan dan mementaskan teater *secare* [secara] tahunan—di kompleks itu haa dulu kita panggil Taman Budaya. Jadi biasanya, saya mengarahkan teater itu *sendighi* [sendiri] dengan jalinan gabungan dengan *err* (fikir) gamclannya, dengan tariannya, dengan gasingnya dengan silat *juge* [juga]. Kita gabung teater kita *tu* [itu]. Jadi semua kelas yang ada di situ kita gabung kita buat persembahan. Setiap tahun—hidupkan kompleks itu. Saya *jugak* [juga] *mengadekan* [mengadakan] kelas bimbingan di universiti. *Saye* [saya] menubuhkan kelab-kelab teater di universiti. Di *antaranye* [antaranya] di *UniSZA* [Universiti Sultan Zainal Abidin], di *UMT* [Universiti Malaysia Terengganu] dan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara]. *Masatu* [masa itu] kelab teater di universiti pun mati---tidak hidup. Jadi *saye* [saya] waktu itu *turun* [pergi] ke universiti-universiti ini—malah di *UniSZA* [Universiti Sultan



